



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 27 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **674 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **18,499** kes (64.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (367 kes);
- Kedah (136 kes);
- Pulau Pinang (79 kes);
- Selangor (70 kes);
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (5 kes);
- Sarawak (5 kes);
- Johor (5 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (3 kes);
- Melaka (2 kes);
- Negeri Sembilan (1 kes); dan
- Terengganu (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan pada hari ini, negeri Sabah mencatatkan penurunan jumlah kes baharu sebanyak 517 kes (55.8 peratus) **iaitu daripada 927 kes kepada 410 kes**. Walaupun terdapat penurunan jumlah kes pada hari ini, KKM masih terus giat menjalankan aktiviti saringan dan pengesanan kes secara aktif di seluruh negeri Sabah. Ini kerana, masih terdapat sebanyak 44 kluster yang aktif di Sabah dan peningkatan kes harian tempatan masih boleh berlaku.

Negeri-negeri di **Lembah Klang pula mencatatkan 138 kes** (16.5 peratus dari jumlah keseluruhan kes). Daripada 138 kes baharu ini, 65 kes (47.1 peratus) adalah daripada kluster-kluster sedia ada dan baharu. Untuk makluman, negeri-negeri ini dan juga negeri Sabah telah pun diletakkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Terdapat penurunan sebanyak 485 kes (95.5 peratus) bagi kes-kes yang berkaitan kluster penjara pada hari ini, iaitu daripada **508 kes kepada 23 kes**. Daripada jumlah ini, 15 kes adalah daripada Kluster Tembok; tujuh (7) kes daripada Kluster Penjara Kepayan; dan satu (1) kes daripada Kluster Penjara Reman. Ini adalah hasil usaha keras semua pihak dalam menjalankan kawalan dan pencegahan di samping pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi penjara dan kuarters yang terlibat iaitu bagi mengelak berlaku sebarang penularan ke komuniti.

Secara keseluruhannya, sehingga 27 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **835 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **28,640 kes**. Manakala,

jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 9,903 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 835 kes baharu pada hari ini, terdapat lima (5) kes import yang mendapat **jangkitan dari luar negara** yang melibatkan satu (1) warganegara dan empat (4) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- India (1 kes di Selangor dan 1 kes di Wilayah Persekutuan Labuan);
- Indonesia (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
- Thailand (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- Bulgaria (1 kes di Wilayah Persekutuan Labuan).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

• **Sabah: 410 kes**

- 60 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Lintas**;
- 218 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 132 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

• **Negeri Sembilan : 155 kes**

- 149 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Empat (4) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

• **Selangor: 125 kes**

- 59 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 42 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 24 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: 74 kes**
 - 69 kes daripada kluster-kluster sedia ada termasuk 13 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Limbungan**; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak : 16 kes**
 - 12 kes daripada kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 13 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak : 11 kes** daripada kluster sedia ada.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : Sembilan (9) kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor : Lapan (8) kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Kedah : Empat (4) kes** daripada kluster sedia ada.

- **Terengganu**: Empat (4) kes daripada kluster sedia ada.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya** : Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **89 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **32 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **dua (2) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **238 kes** (0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
237	27478	Sabah	Lelaki (WN)	82	Hospital Tawau	Penyakit paru-paru obstruktif kronik (COPD), buah pinggang kronik dan aritmia jantung (AF)
238	28215	Sabah	Perempuan (BWN)	53	Hospital Tawau	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

DUA (2) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **dua (2) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1) KLUSTER LINTAS

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di Negeri Sabah. Sebanyak enam (6) kes bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di tempat kerja pada 26 Oktober 2020. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth.

Sehingga 27 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 21 individu telah disaring, di mana:

- Enam (6) kes dikesan positif COVID-19 (**6 kes baharu**); dan
- 15 individu negatif.

2) KLUSTER LIMBUNGAN

Kluster baharu ini dilaporkan di Wilayah Persekutuan Labuan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-18741) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kontak rapat pada 15 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 19 lagi kes positif COVID-19 pada 27 Oktober 2020. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Labuan.

Sehingga 27 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 383 individu telah disaring, di mana:

- 20 kes dikesan positif COVID-19 (**13 kes baharu**);

- 44 individu negatif; dan
- 319 individu masih menunggu keputusan.

USAHA MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19 DI TEMPAT KERJA

Ingin dimaklumkan daripada 230 kluster COVID-19 yang telah dilaporkan sejak permulaan pandemik di Malaysia, sebanyak 62 kluster (30 peratus) adalah berkaitan dengan tempat kerja. Sehingga 27 Oktober 2020, terdapat 37 kluster berkaitan tempat kerja yang masih aktif termasuk dua (2) kluster baharu diumumkan pada hari ini.

KKM amat berterima kasih dan ingin menyampaikan penghargaan kepada majikan dan syarikat swasta dalam bersama-sama membantu mengekang penularan COVID-19 di kalangan warga kerja. Tindakan proaktif majikan yang turut sama menjalankan saringan COVID-19 terhadap pekerja-pekerja membolehkan pengesanan kes-kes positif yang tidak bergejala di kalangan warga kerja dan seterusnya membantu KKM dalam menjalankan aktiviti kesihatan awam dengan segera. Ini sekaligus dapat membendung penularan jangkitan COVID-19 dalam sesebuah komuniti dan seterusnya melindungi individu-individu daripada kumpulan berisiko tinggi, warga emas dan kanak-kanak.

Selain tindakan proaktif majikan, warga pekerja juga mempunyai peranan yang besar dalam membantu KKM untuk membendung penularan COVID-19 di tempat kerja dengan mematuhi Prosedur Amalan Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Di samping itu, warga kerja perlu sentiasa mengamalkan kawalan sendiri ketika berada di tempat kerja. Persekitaran

tempat kerja yang bersih dan selamat juga hendaklah dijadikan kebiasaan harian bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sempang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bersejela (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bersejela;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

27 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 27 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	410	13,155
SELANGOR	126 (1)	4,271
W.P. KUALA LUMPUR	11 (2)	2,977
KEDAH	4	2,052
NEGERI SEMBILAN	155	1,492
PULAU PINANG	13	925
JOHOR	8	879
SARAWAK	16	819
PERAK	11	484
PAHANG	0	392
MELAKA	0	310
W.P. LABUAN	76 (2)	346
KELANTAN	0	179
TERENGGANU	4	180
W.P. PUTRAJAYA	1	141
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	835 (5)	28, 640

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(27 Oktober 2020)**

Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian	
1	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Lembah Pantai, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling	152	274	688	274 (0)	0	0
2	Saguking	WP Labuan	Labuan	55	162	2,735	132 (0)	29	1
3	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Perak	Titiwangsa, Kepong, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuantan, Bagan Datuk, Hilir Perak	36	62	303	56 (0)	6	0
4	Titir	Sabah	Keningau	23	51	786	50 (0)	1	0

5	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Larut Matang & Selama	15	1,679	8,867	549 (5)	1,127	3
6	Baki	Sarawak	Kuching	12	25	949	25 (0)	0	0
7	Bayan	Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara	9	18	464	17 (0)	1	0
8	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang	7	1,669	3,490	1,664 (0)	5	0
9	Kempas	Johor	Johor Bahru, Kulai, Pontian	7	30	443	30 (1)	0	0
10	Basung	Sabah	Kudat	6	36	644	36 (0)	0	0
11	Mentari	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Seremban, Kepong	5	23	99	21 (0)	2	0

12	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur	Hulu Langat, Cheras, Titiwangsa	4	82	2,155	78 (0)	4	0
13	Makekar	Terengganu, Selangor	Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Klang	4	17	275	17 (0)	0	0
14	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	3	229	891	51 (0)	178	0
15	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	3	112	882	92 (0)	20	0
16	Tanamera	Sabah	Tawau	3	65	160	38 (0)	27	0

17	Cahaya	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Tampin, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	3	40	316	38 (1)	2	0
18	Palma	Selangor, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Selangor, Kepong	3	17	110	14 (0)	3	0
19	Kolong	Sabah	Keningau	3	16	298	7 (0)	9	0
20	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran, Kota Kinabalu	2	375	3,214	144 (0)	229	2
21	Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	2	250	773	121 (0)	129	0
22	Mesra	Sabah	Sandakan	2	35	116	27 (0)	7	1
23	Alma	Pulau Pinang, Perak, Kedah	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara, Kerian, Bandar Baharu	2	33	588	25 (1)	8	0
24	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	1	455	2,964	62 (0)	392	1

25	Menara	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Perak, Terengganu, Melaka	Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Sepang, Kuala Langat, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, WP Putrajaya, Larut Matang & Selama, Kuala Nerus, Melaka Tengah	1	82	527	53 (0)	29	0
26	Inai	Sabah	Kudat	1	50	106	50 (0)	0	0
27	Kapor	Sabah	Kudat	1	47	134	47 (0)	0	0
28	Jalan Bomba	Sabah	Sandakan	1	31	316	23 (0)	6	2
29	Kertang	Sabah	Kota Belud	1	25	724	25 (0)	0	0
30	Megah	Sabah	Sandakan, Kota Kinabalu	1	25	64	15 (0)	9	1
31	Tempayan	Sabah	Penampang, Kota Kinabalu	1	23	243	8 (0)	15	0
32	Jambu	Selangor, Pulau Pinang	Hulu Langat, Timur Laut	1	18	147	17 (0)	1	0

33	Sentral	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, Petaling	1	14	361	10 (0)	3	1
34	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	1	14	171	13 (0)	0	1
35	Bah Layangan	WP Labuan, Negeri Sembilan	Labuan, Rembau	1	14	142	6 (0)	8	0
36	Bah Kota	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Petaling, Seremban	1	12	181	10 (0)	2	0